

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI  
[SIBUTI]**

**TARIKH : 5 OGOS 2020 [ RABU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status pelaksanaan Projek Rumah Mesra Rakyat di bawah SPNB bagi tahun 2019 dan 2020 bagi Parlimen Sibuti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) merupakan syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan kini diletakkan di bawah pengurusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang dilaksanakan oleh SPNB adalah bagi memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah (B40) untuk membina rumah di atas tanah sendiri berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

2. Program RMR ini berkonsepkan rumah sesebuah berkeluasan 750 - 1,000 kaki persegi dengan komposisi 3 bilik tidur dan 2 bilik air yang kini berharga di antara RM75,000 – RM106,500. Program ini dibiayai melalui subsidi dan geran yang disalurkan oleh Kerajaan sebanyak RM20,000 seunit. Manakala baki kos pembinaan di antara RM55,000 – RM86,500 dibiayai melalui pinjaman yang ditawarkan oleh SPNB dengan bayaran balik di antara RM300 – RM470 sebulan.

3. Di negeri Sarawak, program ini dilaksanakan melalui kerjasama SPNB dan Perbadanan Perumahan Sarawak (HDC). Bagi Parlimen Sibuti, sebanyak **486** permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, **217 (44%)** permohonan telah diluluskan manakala **251** permohonan ditolak disebabkan tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan dan **18** pemohon yang masih di dalam senarai proses/dinilai layak. Sebanyak **165** unit rumah telah siap dibina termasuk 7 unit yang telah siap pada 2019. Baki **52 unit** sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, SPNB masih lagi menawarkan Program Rumah Mesra Rakyat dalam memastikan hasrat rakyat yang ingin memiliki rumah sendiri dalam keadaan baik dan selesa dapat dipenuhi. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada ketersediaan peruntukan kewangan semasa yang disalurkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.